

SIARAN MEDIA

PERDANA MENTERI MELAWAT DEPOH PROJEK MRT LEMBAH KLANG DI SUNGAI BULOH

Kuala Lumpur, 11 November 2015: Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak hari ini telah melawat depoh tren MRT yang di bina oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) di Sungai Buloh.

Lawatan itu merupakan sebahagian daripada sokongan berterusan beliau terhadap Projek MRT Lembah Klang (KVMRT) dalam memastikan projek tersebut berjalan seperti yang dijadualkan, dan seterusnya akan beroperasi sepenuhnya pada Julai 2017.

Ini adalah lawatan pertama Najib ke Depoh Sungai Buloh. Lawatan Ini juga merupakan lawatan keempat Najib ke Projek KVMRT semenjak Projek bermula. Sebelum ini, beliau telah melawat Syaf Pelancaran Cochrane dua kali dan sekali ke Stesen MRT Tun Razak Exchange.

Depoh ini bakal menjadi depoh tren yang terbesar di Asia Tenggara, berukuran panjang kira-kira 2km dan lebar beranggaran 0.5km. Ia juga bakal menjadi depoh tren bagi kedua-dua jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang (Laluan SBK) dan MRT Sungai Buloh – Serdang - Putrajaya Buloh (Laluan SSP).

Hadir di Depoh Sungai Buloh untuk menyambut Perdana Menteri adalah Pengerusi MRT Corp Tan Sri Dr Ali Hamsa, yang juga merupakan Ketua Setiausaha Negara; Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar; Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan MRT Corp.

Turut hadir adalah wakil-wakil dari Rakan Pelaksana Projek, MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd; dan Pakej Kerja Kontraktor Projek bagi Tren Elektrik iaitu Siemens dan SMH Rail Sdn Bhd.



Dalam lawatan itu, Perdana Menteri telah dibawa ke Woksyop Penyelenggaraan Stok Keretapi di mana beliau telah dibawa melihat tren MRT yang telah siap dipasang sepenuhnya dan sedang diuji.

Sebanyak 58 buah tren akan beroperasi di sepanjang Laluan SBK, di mana ini membolehkan frekuensi satu tren bagi setiap 3.5 minit pada waktu puncak. Tren tersebut yang juga merupakan tren tidak berpemandu dan mempunyai empat greabak. Setiap tren dapat memuatkan penumpang seramai 1,200 orang.

Tren tersebut dibekalkan oleh Siemens dan dipasang sepenuhnya di Malaysia oleh SMH Rail Sdn Bhd di kilangnya yang terletak di Rasa, Hulu Selangor. Ini juga merupakan tren pertama yang dipasang sepenuhnya di Malaysia.

Sepanjang lawatan itu, Perdana Menteri telah diberi taklimat oleh Pengarah Projek MRT Corp bagi Laluan SBK, Encik Marcus Karakashian.

Sementara itu, Shahril melahirkan keyakinan bahawa tren tersebut, yang akan menjadi titik perantaraan utama di antara MRT Corp dan para penumpang, dapat memberikan pengalaman yang baik bagi penumpang.

"Tren yang moden ini bersih, selesa, selamat dan mempunyai keutuhan (reliability) yang tinggi. Kami berharap ini akan menggalakkan orang ramai untuk meninggalkan kereta mereka di rumah dan menggunakan pengangkutan awam," tambah Shahril.

Sehingga 30 September 2015, tahap kemajuan keseluruhan Laluan SBK adalah 72.25%. Tahap kemajuan untuk Kerja Jajaran Bertingkat adalah 64.57% manakala Kerja Jajaran Bawah Tanah adalah 81.76%.

Operasi fasa pertama bagi Laluan SBK di antara Sungai Buloh dan Stesen Semantan akan bermula pada Disember 2016. Operasi untuk fasa kedua dari Stesen Semantan ke Stesen Kajang akan bermula pada Julai 2017.

TAMAT



Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my

LEMBARAN FAKTA

TREN BAGI LALUAN MRT SUNGAI BULOH-KAJANG

LALUAN MRT Sungai Buloh-Kajang akan mempunyai sejumlah 58 tren yang beroperasi di sepanjang laluan. Tren tersebut mempunyai empat gerabak. Setiap tren dapat memuatkan penumpang seramai 1,200 orang.

Tren bagi Projek ini dibekalkan oleh Siemens dan dipasang sepenuhnya di Malaysia oleh SMH Rail Sdn Bhd di kilangnya di Rasa, Hulu Selangor.

Apabila operasi bermula pada akhir tahun 2016, kekerapan perkhidmatan adalah satu tren setiap 3.5 minit di waktu puncak.

REKA BENTUK

Reka bentuk tren yang dipanggil "Guiding Light" ini direka oleh DesignworksUSA, yang merupakan anak syarikat Kumpulan BMW. Diilhamkan oleh keindahan Malaysia, tren tersebut dibina beridentitikan pengaruh budaya Malaysia, dan ciri-ciri tren yang berikonik tersebut mempunyai saling kait yang kuat dengan seni bina simbolik Kuala Lumpur.

CIRI-CIRI TREN:

- **Tidak Berpemandu**

Tren automatik sepenuhnya dan tidak berpemandu ataupun berkonduktor. Ianya dikawal dari Pusat Kawalan Operasi di Depoh Sungai Buloh dan mempunyai sistem automasi yang canggih untuk memastikan keutuhan (reliability) yang baik dan ketersediaan yang tinggi semasa operasi.



- **Aliran Penumpang yang Lebih Baik**

Lorong yang luas di antara gerabak tren membolehkan pergerakan penumpang tanpa had, manakala pintu gelongsor automatik yang besar membolehkan penumpang masuk dan keluar dengan mudah.

- **Mesra Alam**

Tren yang ringan ini dibina menggunakan bahan-bahan mampan, mempunyai sistem penghawa dingin yang sangat efisien dan sistem lampu yang mengurangkan penggunaan tenaga.

- **Sistem Keselamatan dan Sekuriti yang Dipertingkatkan**

Tren tersebut menepati piawaian antarabangsa dalam sistem perlindungan kebakaran. Ia mempunyai sistem pengawasan secara langsung di dalam dan di luar tren. Setiap gerabak mempunyai 4 interkom kecemasan yang dilengkapi dengan sistem kamera bersepadu.

- **Sistem Informasi Penumpang**

Destinasi jelas kelihatan di bahagian luar tren. Setiap kereta akan dilengkapi peta dinamik di atas pintu dan paparan skrin LED di atas tingkap yang boleh memberi maklumat masa sebenar mengenai tren.

- **Tren yang Pertama Dipasang Sepenuh di Malaysia**

Ini merupakan julung kalinya tren dipasang sepenuhnya di Malaysia oleh kontraktor Malaysia, iaitu SMH Rail Sdn Bhd. Kilang pemasangan tren tersebut terletak di Rasa, Hulu Selangor. Ia juga mempunyai banyak komponen buatan Malaysia, seperti kerusi, kabel dan lampu LED.